

09/05/1999

Tindakan ke atas ahli Umno ingkar

Ahmad Burak

PUTRAJAYA: Badan Perhubungan Umno Selangor akan mengambil tindakan tegas terhadap anggotanya yang didapati melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak dan inspirasi pucuk pimpinan parti dan kerajaan.

Sehubungan itu, pengerusinya, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata pihaknya mempunyai mekanisme sendiri untuk memantau kegiatan anggotanya, termasuk ucapan pemimpin di peringkat negeri, bahagian atau cawangan.

"Kita memang sentiasa memastikan pemimpin parti, sama ada negeri atau bahagian memberi ucapan positif menyokong segala apa yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti dan kerajaan."

"Kita pandang berat jika ada pihak menyatakan atau berucap secara yang boleh melemah dan memecahbelahkan rakyat," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pinjaman di antara Pelangi Homes Sdn Berhad dengan Mayban Finance Bhd, di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Seri Onn Ismail; Pengerusi Mayban Finance, Datuk Richard Ho, Pengarah Eksekutif Mayban Finance, Datuk Wan Ismail Abdul Rahman dan Pengarah Urusan Pelangi Homes, Lim Hock San.

Beliau mengulas langkah Badan Perhubungan Umno Kelantan menyerahkan laporan dan pita rakaman ucapan kontroversi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk tindakan lanjut.

Jumaat lalu, Fauzi ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno bahagian Tumpat, didakwa menyampaikan ucapan yang menimbulkan rasa kurang senang di kalangan ahli Umno.

Antara lain intipati ucapannya dikatakan penuh dengan sindiran yang memperlihatkan sokongannya terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berikutan itu, Umno bahagian berkenaan sebulat suara meluluskan usul menolak sepenuhnya ucapan itu dan tidak dicatat dalam minit mesyuarat untuk dibentangkan pada mesyuarat akan datang.

Abu Hassan yang juga Menteri Besar Selangor berkata, pemimpin parti atau kerajaan tidak seharusnya mengeluarkan kenyataan yang boleh mengelirukan rakyat menerusi ucapan yang tidak mempunyai fakta lengkap.

Mengulas lanjut isu Fauzi itu, beliau berkata Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno perlu meneliti serta menyiasat ucapan yang dianggap kontroversi itu dan mengemukakan perakuan kepada Majlis Tertinggi (MT).

"Dalam keadaan sekarang ini, adalah mustahak pemimpin kerajaan dan parti berhati-hati apabila memberi ucapan kerana kita tidak mahu disalah anggap atau tafsir oleh pihak yang berkenaan.

"Oleh itu, kita nak tahu sebenarnya apa yang diucapkan (oleh Fauzi) dan terpulang kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti untuk buat perakuan," katanya.

Mengenai isu bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhamad Muhd Taib, yang tidak dibincangkan dalam mesyuarat MT minggu lalu, Abu Hassan berkata: "Perkara ini kita serah kepada MT. Oleh itu, terpulang kepada MT untuk membuat keputusan."

(END)